

11 SEP 1998

PAS SAMBUT BAIK LANGKAH SOLAT HAJAT

KOTA BAHARU, 11 Sept (Bernama) -- Mursyid Am PAS, Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik langkah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota Umno menunaikan solat hajat bagi memohon Allah menunjukkan kebenaran dalam isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet dan parti.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, solat hajat wajar dilakukan kerana Islam menggalakkan umatnya menunaikan solat itu sama ada ketika senang atau ketika susah.

"Saya sendiri menunaikan solat hajat sepanjang masa," kata beliau kepada pemberita ketika ditemui di rumahnya di Pulau Melaka.

Dr Mahathir telah meminta semua anggota Umno menunaikan solat hajat itu, pada perjumpaan dengan pemimpin bahagian-bahagian Umno di Kuala Lumpur bagi menjelaskan isu itu pada Selasa lepas.

Semalam beliau menyatakan bahawa beliau membuat permintaan itu bukan untuk menentukan sama ada beliau akan menang atau Anwar akan kalah tetapi supaya kebenaran akhirnya menjadi kenyataan.

-- BERNAMA

WM NMO